

01/08/2002

Kerajaan Pahang cadang hadiah jasa Amirul Hamizan

Noorwati Salleh

KERAJAAN Pahang akan memberi penghargaan dalam bentuk sumbangan wang kepada Amirul Hamizan Ibrahim, 21, yang mengharumkan nama negara dan negeri itu selepas meraih tiga pingat emas dan mencatat rekod baru acara angkat berat Sukan Komanwel 2002 Manchester.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata jumlah wang yang akan diberi kepada Amirul Hamizan, budak kampung dari Rompin itu akan ditentukan dalam mesyuarat Exco kerajaan negeri, minggu depan.

"Apabila melihat gambarnya yang terpampang di muka belakang akhbar pagi tadi, saya teringat Amirul Hamizan baru menerima anugerah Atlit Harapan Pahang 2001 daripada Tengku Mahkota Pahang pada majlis Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Pahang, Mei lalu.

"Sumbangan wang itu adalah untuk menghargai prestasi cemerlang dalam acara angkat berat pada Sukan Komanwel itu, selain pendorong supaya dia lebih cemerlang dalam acara yang sama pada masa depan," katanya ketika ditemui di Kuantan semalam.

Beliau berkata, Amirul Hamizan bukan saja menaikkan Malaysia, tetapi nama Pahang dan Rompin.

"Kita rasa bangga, seorang budak kampung, dari daerah kecil dan terpencil, tetapi selepas diasuh dan diberi peluang menunjukkan bakat serta pendedahan mampu menempa kejayaan.

"Inilah hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, iaitu orang Malaysia boleh. Jika kita mahu dan yakin dengan diri sendiri, berusaha dan berikhtiar tanpa jemu, pasti akan berjaya, seperti Amirul Hamizan ini," katanya.

Sementara itu, Penyelaras Sukan Angkat Berat Majlis Sukan Pahang, Asri Mohd Arof, berkata kejayaan Amirul Hamizan memang sudah dijangka kerana dia adalah seorang atlit berdisiplin.

"Memang dia sudah lama menyimpan cita-cita untuk mewakili negara bagi angkat berat di peringkat antarabangsa dan kini mampu meraih kejayaan dalam tempoh singkat," katanya.

Menurutnya, Amirul Hamizan pernah mewakili Pahang di Sukan Malaysia (Sukma) 1996, 1998 dan 2000. Pada 2000, dia turut memecah rekod kejohanan acara angkat berat kategori 56 kilogram.

Beliau berkata, tahun ini dia memecah rekod Kejohanan Kebangsaan di Melaka bagi kategori sama.

Amirul Hamizan yang berasal dari Kampung Sepakat, Rompin adalah bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Rompin.